

28/02/2003

Ucapan tegas Dr Mahathir faktor utama kejayaan NAM

KOTA KINABALU: Ucapan tegas Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ketika merasmikan Sidang Kemuncak ke-13 Pergerakan Negara Berkecuali (NAM) yang berakhir, Selasa lalu, dilihat menjadi faktor utama kepada kejayaan sidang kali ini.

Menteri Pertahanan, Datuk Seri Najib Razak, berkata ramai pemerhati dan anggota pergerakan itu menganggap ucapan yang disampaikan Perdana Menteri di hadapan 111 ketua negara dan perwakilan itu memberi impak besar.

"Ucapan beliau pada hari perasmian adalah asas kepada kejayaan sidang NAM kali ini kerana dilihat betul-betul memberi impak yang besar," katanya

ketika ditemui selepas menyampaikan Syarahan Umum di Universiti Malaysia Sabah (UMS), dekat sini, semalam.

Beliau berkata demikian sebagai mengulas kejayaan penganjuran NAM di ibu negara yang berakhir Selasa lalu.

Malaysia menjadi pengerusi pergerakan itu bagi tempoh tiga tahun sebelum menyerahkannya kepada Cuba.

Jawatan pengerusi sebelum ini disandang Afrika Selatan.